

22 MAR 1997

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PAKISTAN

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Republik Pakistan Sardar Farooq Ahmad Khan Leghari sempena Hari Kemerdekaan negara itu hari ini.

Dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, Seri Paduka yakin bahawa hubungan persaudaraan antara Malaysia dan Pakistan dapat dipertingkatkan lagi pada masa depan.

Tuanku Ja'afar juga berharap semoga Pakistan dan rakyatnya menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada Perdana Menteri Main Mohamad Nawaz Sharif dengan harapan untuk bekerjasama dengan para pemimpin Pakistan bagi memperkukuh hubungan tradisi antara Kuala Lumpur-Islamabad demi faedah rakyat kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Gohar Ayub Khan. -- BERNAMA

YBK FAZ